

PROGRAM ORIENTASI KOSASS

LENSA KAMPUS

Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) menganjurkan program orientasi Mesra-Mesra KOSASS (MMK) bersempena kemasukan siswa baru sesi 2017/2018 Universiti Putra Malaysia (UPM).

Program ini

aktiviti tahunan kolej kediaman khusus untuk memberi pendedahan kepada penuntut baru berkenaan kehidupan dan pembelajaran di kolej kediaman universiti awam itu.

Program ini bertujuan memupuk dan menyemai semangat kekitaan, kekeluargaan serta menyayangi universiti sebagai tempat menuntut

ilmu.

Seramai 145 pelajar baru ditempatkan di kolej kediaman itu menyertai Program MMK yang bertemakan 'Left No One Behind' ini mengikuti pelbagai modul yang menerapkan pelbagai nilai kemahiran insaniah berguna bagi seorang mahasiswa misalnya kemahiran komunikasi, kerjasama dan kepimpinan.



KERJASAMA yang baik ditunjukkan penuntut baru.



SEBAHAGIAN aktiviti yang diadakan.



SISWA baru bergambar dengan anggota Majlis Tertinggi Mahasiswa KOSASS.